



الجامعة الإسلامية العالمية ماليزيا
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY MALAYSIA
يُونِيْسِيتَى إِسْلَامِيَّا بِعُيُونِ مَلِيْسِيتَا

PERANAN QARINAH DI DALAM UNDANG-UNDANG KETERANGAN ISLAM
DAN HUBUNGANNYA DENGAN UNDANG-UNDANG KETERANGAN
MAHKAMAH SYARIAH (WILAYAH PERSEKUTUAN)

AZIZ BIN RJ. MOHAMAD

DIPLOMA UNDANG-UNDANG DAN PENTADBIRAN HUKUM SYARAK
UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA
SESI 1988/89.

156
363
445
446 ✓

PRAKATA.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Segala puji-pujian hanya untuk Allah Tuhan sekelian alam, selawat dan salam kepada seluruh RasulNya serta RasulNya yang terakhir Muhammad s.a.w dan juga kepada ahli-ahli keluarga, kaum kerabat serta Sahabat-sahabatnya dan orang-orang yang telah mengikuti jejak langkah dan pertunjuknya.

Kalimah kesyukuran dipanjangkan ke hadrat Ilahi Rabbul Jalil kerana dengan inayah dan limpah kurniaNya dapatlah penulis menyempurnakan latihan ilmiah ini.

Dalam usaha menyempurnakan tesis ini, penulis mengambil sedikit kesempatan untuk mencurahkan rasa terimakasih dan penghargaan yang tidak terhingga kepada pihak-pihak yang terlibat samada secara langsung atau tidak, terutama sekali ditujukan kepada Y.B. Profesor Madya Dr. Mahmud Saedon A, Othman yang telah banyak memberikan bimbingan dan koreksi sehingga dapatlah penulis menyiapkannya.

Dengan usaha yang bereungguh-sungguh dari Y.B. Profesor dan semua pensyarah-pensyarah dan tutor-tutor Diploma Undang-undang dan Pentadbiran Kehakiman Islam sessi 1988/89 yang telah banyak mencurahkan ilmunya sekali lagi penulis menghadiahkan sekalong do'a agar senantiasa dirahmati Allah Taala.

Semoga dengan usaha yang kecil ini dengan sedikit ilmu yang ada akan mendapat ganjaran dari Allah s.w.t.

Wassalam.

Aziz bin Hj. Mohamad
Diploma Undang-Undang Dan
Pentadbiran Kehakiman Islam,
Universiti Islam Antarabangsa.

12 Z, Kaedah, 1409

16hb. Jun, 1989.

SISTEM TRANSLITERASI

Perkataan-perkataan Arab yang digunakan dalam buku ini adalah mengikut sistem transliterasi berikut:

<u>Huruf Arab</u>	<u>Huruf Latin</u>	<u>Huruf Arab</u>	<u>Huruf Latin</u>
ا	a	س	d · t ·
ب	b	ط	z · c
ت	t	ل	gh
ث	th	ع	f
ج	j	غ	q
ه	h	ف	k
خ	kh	ق	l
د	d	ك	m
ذ	dh	ل	n
ر	r	ر	w
ز	z	و	h
س	s	ه	y
ش	sh	ء	·
ض	ḍ		

Vokal Pendek

Fathah / : a
 Kasrah ＼ : i
 Dammah ۔ : u

Vokal Panjang

Fathah + alif / : ā
 Kasrah + ya ＼ : ī
 Dammah + waw ۔ : ū

PENDAHULUAN.

Undang-undang Keterangan Islam tidak kurang pentingnya sama dengan Undang-undang induk yang lain, kerana seseorang Hakim Mahkamah Syariah dikehendaki mengetahui dan menguasai bukan hanya hukum-hukum syarak sebagaimana yang terkandung di dalam al-Qur'an, Hadith dan kitab-kitab karangan ulama' muktabar, tetapi hendaklah juga mengetahui serta menguasai semua undang-undang yang berkaitan. Majlis Ahkam ada menyebutkan bahawa seorang hakim atau qadi hendaklah alim (tahu) mengenai hukum (law) dan juga peraturan (procedure) dan hendaklah mampu dan berupaya memutuskan semua kes yang dibawa ke hadapannya bertepatan dengan hukum dan peraturan. Ini ditegaskan juga oleh Ibn. al-Qayyim di dalam kitabnya al-turuq al-hukmiah.¹

Walaubagaimana tepat atau betul sekalipun hukuman yang dijatuhan sekiranya iaanya tidak bertepatan pula dengan procedure atau Undang-undang Keterangan, maka orang akan mempertikaikan keputusannya. Walaupun dalam Islam iaanya tidak merupakan isu yang boleh mengenepikan keputusan yang betul, namun begitu iaanya akan menyenangkan para hakim menguruskan kes-kes serta pentadbiran

¹ al-Jauziah, Ibn. al-Qayyim, al-turuq al-hukmiah, (Jeddah: dar al-madani, t.t) m.s:4

▼

Undang-undang Islam akan lebih tersusun dan berkesan.

Di antara salah satu cara keterangan yang termasuk dalam jenis-jenis atau prinsip-prinsip keterangan Islam yang disenaraikan oleh para ulama' ialah qarinah.

Qarinah telah diterima sebagai salah satu cara pentahbitan, walaupun ada kalangan yang menolaknya tetapi mereka juga agak berhati-hati. Memang tidak dapat dinafikan bahawa qarinah adalah tergolong dalam jenis-jenis keterangan yang dipertikaikan penyeriatannya, walaupun begitu ianya telah diberikan tempat oleh ulama' dan sekaligus ianya mempunyai peranan yang besar di dalam Undang-undang keterangan Islam dan juga undang-undang keterangan yang digubal kini.

Peranannya adalah amat luas dan besar sekali dalam menyelesaikan beberapa banyak kes dan kejadian yang tidak terdapat bayyinah serta berperanan besar di samping beberapa prinsip keterangan lain seperti iqrar dan syahadah.

Lantaran itu tercapailah tujuan syara' untuk menegakkan keadilan dan memberikan keadilan yang seujarnya kepada seluruh manusia dan salah satu cara yang membantu ke arah mendaulatkan maksud dan tujuan syara' tersebut ialah qarinah. Jadi kita tidak boleh memperkecilkan tugas dan peranan yang penting yang diberikan oleh qarinah ini dan kita amat terhutang budi kepada al-Allamah Ibn. al-Qayyim yang nampaknya bersungguh-sungguh mempertajankan prinsip al-qarinah sebagai salah satu jenis keterangan yang tidak boleh diabaikan.

KANDUNGAN.

			<u>Halaman.</u>
PRAKATA	1
TRANSLITERASI	iii
PENDAHULUAN	iv
KANDUNGAN	vii

BAB PERTAMA: KETERANGAN DAN PEMBUKTIAN.

1.1 Definisi Keterangan (pembuktian)	1
1.2 Kepentingan Keterangan	5
1.3 Keterangan Di dalam Perundangan Sebelum Islam	11
1.4 Undang-Undang Keterangan Islam	17

BAB KEDUA: QARINAH SEBAGAI KETERANGAN DAN PEMBUKTIAN.

2.1 Pengertian Qarinah	23
Qarinah dari segi bahasa	23
Qarinah dari segi istilah	24
Qarinah di sisi Ahli Undang-undang ..	31
2.2 Penyariatan qarinah dan hikmatnya ..	33
dalil-dalil dari al-Quran ...	34
dalil-dalil dari sunnah ...	38
dalil melalui ijma'	42
dalil melalui kata-kata Sahabat ...	45

hikmat disyariatkan qarinah	48
2.3 Syarat-syarat Qarinah	54
2.4 Jenis-jenis qarinah	55
qarinah yang kuat	56
qarinah yang lemah	58
qarinah palsu	59
qarinah nassiah	64
qarinah fiqhiah	68
qarinah qadhaiah	69
2.5 Kedudukan Qarinah Sebagai Keterangan Dan Peranannya Di dalam Undang-undang Keterangan Islam ..	73	
kedudukan qarinah secara umum	73
golongan yang menerima qarinah	74
golongan yang tidak menerima qarinah	83
qarinah di dalam kes-kes hudud	85
qarinah di dalam jenayah zina	86
qarinah di dalam jenayah mencuri	89
qarinah di dalam jenayah minum arak	91
qarinah di dalam jenayah qadhaf	93
peranan qarinah kepada syahadah dan iqrar		
di dalam kes-kes hudud dan qisas	96
peranan qarinah disisi syahadah	96
peranan qarinah di samping iqrar	98

**BAB KETIGA: QARINAH DI DALAM AKTA KETERANGAN MAHKAMAH
SYARIAH (WILAYAH PERSEKUTUAN).**

3.1 Pendahuluan	39
3.2 Qarinah Di dalam Akta Dan Hubungan- nya Dengan Undang-undang Keterangan Islam..	100	
3.3 Kesimpulan.		105

LAMPIRAN

107

BIBLIOGRAFI

BAB PERTAMA

KETERANGAN DAN PEMBUKTIAN.

1.1 Definisi Keterangan (pembuktian):

Di dalam Undang-Undang Keterangan Islam, keterangan atau pembuktian ini dikenali dengan istilah "al-bayyinah" (البيهقة). Al-bayyinah, dari segi bahasa bererti; jelas, terang dan nyata. Sementara penggunaannya di dalam undang-undang keterangan Islam membawa erti; ¹(اسم لكل مبين الحق وينظر).
Ertinya;

"Nama bagi setiap sesuatu yang menjelaskan atau menerangkan sesuatu hak (kebenaran) atau kepentingan".

Oleh yang demikian sesiapa yang mengkhususkan "al-bayyinah" ini dengan maksud syahadah, samada dua orang saksi atau empat orang saksi atau seorang saksi, maka sebenarnya ia telah tidak menepati pengertiannya yang sebenar.²

¹Ibn. Qayyim al-Jauziah, al-Turuq al-Hukmiyyah, (Jeddah: dār al-Madani, t.t) m.s: 13.

²ibid.

Walau bagaimana pun ada juga di kalangan Ulama' yang memberi pengertian al-bayyinah itu sebagai syahadah, iaitu mereka mengatakan al-bayyinah ialah Syahadah.³

Umumnya, al-bayyinah ialah nama bagi setiap sesuatu yang menjelas atau menerangkan sesuatu hak (kebenaran) atau kepentingan.

Di dalam al-Qur'an kalimah "al-bayyinah" sama sekali tidak datang dengan makna atau maksud syahadah dua orang saksi. Malah kalimah "al-bayyinah" yang muncul dalam al-Qur'an adalah dimaksudkan atau ditujukan kepada hujjah (الْبَيِّنَةُ), dalil (الْدَلِيلُ), dan "al-burhan" (الْبُرْهَانُ), samada ianya datang dalam bentuk kata mufrad (tunggal) atau jama^c.⁴

Kata-kata atau sabda Nabi s.a.w yang berbunyi; (<الْبَيِّنَةُ عَلَى الْمُرْدِعِ) adalah menunjukkan bahawa maksud "albayyinah" di sini ialah keterangan atau pembuktian yang semestinya dikemukakan oleh orang yang mendakwa atau al-Mudda^ci untuk mengesahkan dakwaannya supaya hukuman dapat dijatuhkan, dan penyaksian oleh dua orang saksi itu termasuk dalam ertikata al-bayyinah. Maksud-

³ Abdul Karim Zaidan, Dr., Nizām al-Qadā' fī al-syāri'ah al-islāmiyah, (Baghdad: Matba'ah al-āni, 1984) cet:1, m.s:163.

⁴ Ibn. Qayyim, op.cit. m.s:13

nya syahadah itu adalah salah satu prinsip yang termasuk dalam al-bayyinah (keterangan).⁵

Dari sini jelaslah kepada kita bahawa pengertian al-bayyinah atau keterangan menurut Ibn. al-Qayyim ini adalah amat luas dan menyeluruh. Ianya meliputi apa sahaja yang menjelaskan, menerangkan atau membuktikan kedudukan atau keadaan sesuatu hak atau kepentingan yang boleh diambilkira oleh qadi atau mahkamah di dalam memberikan hak kepada yang berhak atau menjatuhkan hukuman yang adil. Ini bermakna ianya merangkumi semua jenis keterangan di dalam Islam samada yang disepakati oleh Ulama' seperti prinsip iqrar, syahadah dan sumpah, atau yang mempunyai perselisihan pendapat di kalangan mereka seperti prinsip ilmu al-qadi (علم القاضي), raddul yamin (رد اليمين), an-Nukul an Yamin (النكول عن اليمين), khabar ahad (خبر أحاداد), khabar istifadah (خبر استئنافه), khabar mutawatir (خبر متواتر), firasat (الفراسة) dan selainnya.

Syahadah atau kesaksian adalah salah satu jenis keterangan atau bayyinah. Tidaklah disangsi lagi bahawa ada kalanya jenis-jenis keterangan (bayyinah) yang lain selain daripada syahadah

⁵ibid.

adalah lebih kukuh dan kuat daripada syahadah kerana adanya suasana atau keadaan yang menunjukkan benarnya dakwaan orang yang mendakwa itu. Sesungguhnya ia lebih kuat daripada kesaksian seorang saksi lelaki. Oleh itu kalimah al-bayyinah (البيهقة), al-dilalah (الدلالة), al-hujjah (الحجّة), al-burhan (البرهان), al-ayat (الأيات), al-tabsirah (المبصرة), al-alamah (العلامات) dan al-amarah (الأمراء) adalah hampir sama atau bersamaan pada makna dan pengertiannya.⁶

Selain daripada Hadith Rasulullah s.a.w yang disebutkan tadi terdapat juga banyak ayat-ayat al-Qur'an yang menyebut kalimah al-bayyinah dengan erti hujjah, dalil dan keterangan yang jelas. Di antaranya firman Allah s.w.t:

لقد أرسلنا رسالتنا بالبيانات⁷

Maksudnya;

"Dan sesungguhnya Kami telah mengutus Rasul-Rasul Kami dengan membawa bukti-bukti dan mukjizat yang jelas".

Dan firmanNya lagi berbunyi;

قُلْ هُنَّ عَلَىٰ بِيَنَاتٍ مِّنْ رَّبِّهِمْ⁸

⁶ ibid.

⁷ al-Qur'an, surah al-hadid:25

⁸ al-Qur'an, surah al-An'am:57

Maksudnya;

"Katakanlah, sesungguhnya aku tetap berada di atas (kebenaran yang berdasarkan) bukti-bukti yang nyata (al-Qur'an) dari Tuhanmu".

Banyak lagi ayat-ayat al-Qur'an apabila menyebut perkataan al-bayyinah tidaklah dikhususkan kepada syahadah tetapi ianya bermaksud keterangan, dalil hujjah dan bukti yang nyata.

Jelasnya bayyinah adalah lebih umum daripada syahadah. Manakala syahadah adalah lebih khusus dan sebahagian daripada bayyinah (keterangan) seperti mana yang telah dijelaskan oleh Ibn. Qayyim di dalam kitabnya al-Turuq al-hukmiyyah.⁹

1.2 Kepentingan Keterangan.

Keterangan adalah sangat penting sekali dalam proses kehakiman. Ianya dapat membantu para hakim mengendalikan sesuatu kes yang dihadapinya dengan lebih senang, tepat dan adil. Lantaran itu banyak ayat-ayat al-Qur'an dan hadith-hadith Rasul s.a.w yang menyentuh tentang betapa pentingnya memberikan keterangan dan jangan kita menyembunyikannya. Sebaliknya hendaklah berlaku adil, amanah dan saksama, kerana memberi keterangan bererti menyampaikan

⁹ Ibn. al-Qayyim, op.cit., m.s:13

amanah dan menjadi saksi kepada Allah. Firman Allah s.w.t;
 ان الله يأركم أن تؤدو الامانات إلى أهلها وادع حكم بين الناس
 10 ان تحكوا بالعدل إن الله نهى عن مفاسد
 مبيعا بصيرا

Maksudnya;

"Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerima-nya) dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhannya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa mendengar lagi sentiasa melihat".

Ayat ini dengan jelas memerintahkan kita agar menghukum dengan adil dan memberikan amanah kepada ahlinya yang berhak. Menghukum dengan adil adalah suatu kewajipan terhadap Allah dan menjadi tuntutan syara'. Untuk mewujudkan keadilan ianya memerlukan kepada Undang-undang yang adil ditadbirkan dengan cekap oleh para hakim yang berwibawa serta memerlukan kepada keterangan yang tepat dan pembuktian yang kukuh berdasarkan kepada prinsip undang-undang yang adil. Dalam hal ini Allah s.w.t berfirman;

يَا داود انا جعلناك خليفة في الارض فاحكم بين الناس بالحق
 وقل لشئ الاهي خيظلك عن سبل الله 11.

Maksudnya;

"Wahai Daud! sesungguhnya Kami telah menjadikanmu Khalifah di bumi, maka jalankanlah hukum di antara manusia dengan (hukuman syariat) yang hak (benar yang diwahyukan kepadamu) dan janganlah engkau menurut hawa nafsu, kerana yang demikian itu akan menyekatmu dari jalan Allah".

¹⁰ al-Qura'an, surah An-nisa':58

¹¹ al-Qur'an, surah Saad:26

Walaupun ayat ini ditujukan kepada Nabi Daud a.s., namun ianya termasuklah seluruh kaum muslimin yang bertugas menegakkan kebenaran dan keadilan. Undang-undang yang adil hanya akan dapat dinikmati keadilannya jika ianya ditadbirkan dengan cekap dan adil, amanah dan saksama. Dalam hal ini, orang-orang yang bertugas untuk melaksanakan keadilan semestinya berwibawa, berkelayakan dan amanah sepetimana yang diperintahkan oleh Allah s.w.t.

Allah s.w.t juga telah memerintahkan agar orang-orang yang terlibat di dalam sesuatu pertikaian itu agar bersifat amanah di dalam memberikan keterangan di dalam menuntut hak atau kepentingan atau di dalam menolak atau menafikannya. Mereka hendaklah menganggap diri mereka sebagai saksi kerana Allah dan RasulNya, kerana keadilan dan hak ini adalah merupakan tuntutan Islam kepada semua pihak yang terlibat. Firman Allah s.w.t;

بِالْأَرْضِ الَّتِي أَمْرَأْنَا كُلَّنَا قَوَاعِدِيْنَ لِلَّهِ شَهِادَةٌ بِالْقِسْطِ وَلَا يَجِدُ مِنْكُمْ شَانِئً
فَمَنْ عَلَىٰ أَنْ لَا تَعْدُوا أَعْدُوا هُوَ أَقْرَبُ لِلتَّقْوَى
وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ خَيْرٌ عَمَّا تَتَّلَوُنَ

12

Maksudnya:

- "Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu senantiasa menjadi orang-orang yang menegakkan keadilan kerana Allah, lagi menerangkan kebenaran dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap secuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan. Hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa juar) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada takwa. Dan bertakwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah maha mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan".

Ayat di atas dengan jelas memerintahkan agar kita berlaku adil dan sahaja, memberikan keterangan dan menyampaikan kebenaran kerana Allah. Dalam hal ini apa-apa keterangan samada syahadah atau sebagainya adalah amat penting sekali bagi membantu kearah tercapainya keadilan. Oleh sebab itu Allah s.w.t berfirman;

وَلَا يَأْبُرُ الشَّهَادَةُ إِذَا مَا دُعِوا

Maksudnya:

"Dan janganlah saksi itu enggan apabila mereka dipanggil menjadi saksi".

Ayat ini jelas memerintahkan agar orang yang mempunyai maklumat dan mengetahui fakta agar memberikan kerjasamanya di dalam memberikan kesaksian atau keterangan, kerana tanpanya keadilan tidak dapat ditegakkan. Jika mereka enggan bererti mereka tidak taat kepada perintah Allah dan ianya adalah berdosa.

Sehubungan dengan itu Allah Taala berfirman;

وَلَا تَكُونُوا شَهَادَةً وَمِنْ يَكْتُمُ هُوَ أَنَّهُ أَعْلَمُ قَلْبَهُ

وَاللَّهُ أَعْلَمُ بِمَا تَفْعَلُونَ عَلَيْهِمْ .

Maksudnya:

"Dan janganlah kamu (wahai orang-orang yang menjadi saksi) menyembunyikan perkara yang dipersaksikan itu. Dan sesiapa yang menyembunyikannya maka sesungguhnya ia adalah orang yang berdosa hatinya. Dan ingatlah Allah sentiasa mengetahui akan apa yang kamu kerjakan".

¹³ al-Qur'an, surah al-baqarah:282

¹⁴ al-Qur'an, surah al-baqarah:283

Berdasarkan kepada ayat-ayat yang dibentangkan tadi, ternyata bahawa keterangan atau bayyinah samada kesaksian dan se lainnya adalah penting di dalam usaha untuk menegakkan keadilan. Memberikan keterangan atau kesaksian bererti menjadi saksi kerana Allah. Menyembunyikannya atau tidak memberikannya dengan ikhlas dan jujur bererti maksiat dan berdosa.

Selain daripada itu terdapat juga banyak hadith-hadith yang menjelaskan betapa pentingnya mengendalikan sesuatu kes atau pertikaian itu dengan teliti dan meneliti segala keterangan-keterangan yang diberikan agar keadilan dapat diputuskan. Di sini kita akan nampak betapa pentingnya keterangan itu di dalam menyelesaikan sesuatu kes. Di antaranya sebuah hadith riwayat Abu عن علی ابی طلب علیہ السلام قال،
 يعثی رسول الله ص الى اليمن قاضا فقتلت بارسول الله ترسانی وانا حبر السن ولا
 علم في بالقضاء؟ فقال : لآن الله سيفه قلبك وثبت لسانك
 خاد جلس بين يديك المحسان فلا تقضي حتى سمع من الآخر كما سمعت
 من الأول فإنه أحرى أن يتبعك قضاؤك . قال : فما زلت قاضيا
 أو ما شئت في قضاء بعد . 15

Ertinya:

"Sayyidina Ali r.a berkata, Rasulullah s.a.w telah mengutuskan aku ke Yaman untuk menjadi qadi. Aku pun berkata kepada Rasulullah s.a.w "Ya Rasulullah, tuan mengutusku sedangkan aku masih muda dan tidak mengetahui mengenai kehakiman. Rasulullah s.a.w berkata: Sesungguhnya Allah akan memberikan hidayatnya kepada hati engkau dan menetapkan lidahmu. Jika datang dua orang yang bertikai duduk dihadapanmu, maka janganlah engkau menjatuhkan hukuman sehingga engkau mendengar (hujah dan keterangan) pihak

¹⁵ As-shaikh Ahmad Sa'ad Ali (pentahqiq), Sunan Abi Daud, (mier: Matbaah Muatafa al-bab al-halabi, 1952) cet:1, m.s:270

kedua seperti engkau mendengar pihak pertama, kerana itu-lah yang lebih layak dilakukan agar jelas bagimu untuk menjatuhkan hukuman. Sayyidina Ali berkata; sejak itu aku tidak berasa sangei di dalam menjatuhkan hukuman".

Hadith ini dengan jelas memberikan panduan kepada kita agar bersifat adil di dalam mengendalikan perbicaraan, berlapang dada mendengar bujah dan keterangan pihak-pihak yang terlibat. Hukuman yang adil dan saksama tidak akan dapat dilaksanakan, jika keterangan dan bujah tidak dikemukakan dengan jelas atau pihak yang bertikai tidak diberi peluang yang wajar untuk membuktikan kebenarannya dan mempertahankan haknya.

Di dalam riwayat lain Rasulullah s.a.w bersabda;
 عَنْ أُمِّ سَلَمٍ قَالَتْ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: لَا تَكُونُ حَدِيدَةً إِلَّا وَلَعَلَّ بَعْضَكُمْ أَنْ يَكُونَ الَّذِي يُحْكَمُ عَلَيْهِ مِنْ بَعْضِ قَاتِلَيْهِ لَهُ عَلَى كُوْمَانَةِ سَمْعِهِ
 فَمَا قَطَعْتَ لَهُ مِنْ حَقٍّ أَخْيَهُ شَيْئًا خَلَدَ إِلَيْهِ نَارًا
 مَا نَأَمْلَأُ لَهُ بِهِ قَطْعَهٗ مِنَ النَّارِ.¹⁶

Ertinya;

"Ummi Salamah berkata bahawa Rasulullah s.a.w telah bersabda; Kamu telah bertikai di hadapanku, mungkin ada di antara kamu yang lebih petah berhujah (memberikan keterangan) dari yang lain, lalu aku menghukum berdasarkan apa yang aku dengar darinya. Sesiapa yang telah aku hukumkan (berikan) baginya hak saudaranya dari sesuatu (yang ianya tidak berhak lantaran hujahnya yang petah), jangan ia mengambilnya, kerana aku telah memotong baginya sekeping api neraka".

¹⁶ Sahīh Muslim, syarḥ al-Nawāwī, (Miar: al-Matbaah al-Misriah, 1924) Jld. 12, m.s: 4

Hadith ini dengan jelas menegaskan tentang pentingnya keterangan dan hujah di dalam sesuatu perbicaraan. Mungkin orang yang lebih petah dan pandai mengemukakan keterangan dan hujahnya akan berjaya di dalam tuntutannya (dakwaannya) kerana kejayaan dan kemampuannya meyakinkan hakim. Walaupun demikian ini tidak bermakna hak dan kebenaran berada pada pihaknya. Kalau ini berlaku bermakna ianya telah melakukan kezaliman. Apa yang diperolehi daripada kemenangannya itu pada hakikatnya adalah dosa, kebatilan dan api neraka.

Dari beberapa ayat dan hadith yang dikemukakan di atas tadi menunjukkan kepada kita betapa pentingnya keterangan dan pembuktian di dalam proses kehakiman. Ini tidak dapat disangkal lagi kerana melalui keteranganlah seseorang hakim atau qadi dapat membuat kesimpulan dan seterusnya memutuskan sesuatu hukuman. Dari sini jelaslah kepada kita bahawa keterangan itu memainkan peranan yang penting di dalam sesuatu penghakiman atau perbicaraan.

1.3 Keterangan Di dalam Perundangan Sebelum Islam.

Perundangan di zaman jahiliah (sebelum kedatangan Islam) tidak begitu ketara kerana pada zaman itu tidak mempunyai suatu kuasa perundangan yang mengatur segala peraturan dan undang-undang. Lantaran itu 'uruf atau adat memainkan peranan yang penting di zaman yang lampau tersebut, di mana waktunya

al-Qur'an dan datangnya hadith(sunnah) di kalangan Arab, mereka sudah dikuasai oleh bermacam-macam adat-istiadat dan peninggalan nenek moyang mereka yang mereka patuhi. Itulah yang mempengaruhi kehidupan mereka. Antara adat atau ikutan yang sudah mereka ikuti turun-temurun ialah mereka mematuhi orang yang berpengaruh di-kalangan mereka.

Sehubungan dengan itu setiap kabilah mempunyai seorang ketua atau sheikh yang mengetuainya (sebagai penghulu mereka). Di tangannya lah terletak segala kekuasaan dan pemerintahan terhadap rakyatnya.

Antara ciri-ciri yang diambilkira untuk melantik atau memilih ketua mereka tadi ialah hendaklah seseorang itu mempunyai beberapa sifat keunggulan yang dimilikinya seperti sifat berani, banyak pengalaman, umurnya lebih tua, pengetahuan yang lebih dan berfikiran tajam, pintar, pantas dan cerdas.

Sheikh atau ketua itulah sebagai hakim atau qadi (yang memutuskan sesuatu hukuman atau menyelesaikan perbalahan) di-kalangan mereka, kerana sebagaimana kita maklum masyarakat Arab ketika itu tidak mempunyai (memiliki) sebuah kerajaan yang teratur dan tersusun dan tidak mempunyai raja yang mengawasi mereka.

Jika memutuskan sesuatu hukuman antara anggota kabilah itu maka ketuanya akan menghakiminya menurut kesesuaian adat atau uruf dan ikutan mereka turun-temurun (yakni bagaimana adat mereka hukumkan begitulah juga hukuman yang dikenakan).

Uruf, adat istiadat dan ikutan yang mereka warisi itu diambil daripada beberapa sumber, antaranya daripada pengalaman-pengalaman mereka yang lalu, daripada iktikad dan kepercayaan yang mereka anuti, daripada penduduk yang tinggal berjiran dengan mereka seperti Parsi dan Rom atau daripada penduduk-penduduk Yahudi dan keristian.¹⁷

Kesimpulannya, perundangan atau kehakiman di sisi masyarakat Arab jahiliah waktu itu adalah suatu sistem perundangan yang berkecamuk, tidak tetap dan tidak teratur, kecuali perundangan yang wujud di Madinah (sebelum Islam) agak sopan dan beradab, dan mempunyai sedikit perubahan kerana percampuran mereka dengan golongan Yahudi dan Keristian serta adanya iktibas dan pengambilan beberapa hukum dan prinsip-prinsip dari kedua-dua agama tersebut.

Oleh itu keterangan atau cara pentahbitan bagi sesuatu kesalahan jenayah atau pentahbitan hak atau kepentingan pada waktu itu hanya berkisar di sekitar beberapa jenis keterangan tertentu

¹⁷ Atiah Musyrifah, Dr., al-qadā' fī al-islām, (Syarikah al-syar'i al-ausat) cet:2, m.s:17

sahaja. Malah ada di antara jenis-jenis keterangan itu merupakan ilmu kepakaran yang satu-satunya dimiliki oleh mereka.

Di antara jenis keterangan atau cara penthabitan yang digunakan ketika itu sebagai salah satu cara ithbat yang terpenting ialah ilmu al-qiafah. Iaitu apabila berlaku sesuatu pertelingkahan perselisihan atau perbalahan tentang penthabitan nasab atau keturunan seseorang kanak-kanak, mereka meminta pertolongan daripada orang yang pakar dalam mengecamkan nasab atau keturunan anak tersebut. Orang yang pakar dalam menegnali keturunan ini dikenali dengan nama "Qa'if" (قاضٍ). Qa'if ini akan melihat kepada rupa wajah kanak-kanak itu serta anggotanya dan bahagian badannya yang lain, kemudian ia akan lakukan demikian pula kepada orang yang pada pengtahuannya paling hampir mempunyai persamaan dengan kanak-kanak itu mengikut ilmunya. Kemudian apabila qa'if ini membuat penentuan kepada seseorang, maka ia hendaklah mengakui (mengiktiraf) terhadap anak itu.¹⁸

Pada kebiasaannya qa'if ini akan melihat kepada persamaan pada kakinya, iaitu apabila ada persamaan, thabitan nasab itu betul. Sebaliknya jika kaki berlainan, maka tidak thabit keturunan atau nasab kanak-kanak itu kepada bapanya.¹⁹

¹⁸ ibid.

¹⁹ ibid.